

Oleh Suraya Roslan dan Mohd Redzuan Muharam  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**M**empertaruh nyawa demi insan tersayang bukan perkara mudah untuk dilakukan namun demi melihatnya sihat dan menjalani kehidupan normal membuatkan individu ini sanggup mendermakan buah pinggang.

Kini, mereka masing-masing hanya mempunyai satu buah pinggang untuk hidup demi orang yang tersayang.

Suri rumah, Raja Noor Zafira Raja Mohd Nazwir Shah, 38, berkata, dia berterima kasih dan bersyukur suaminya, Mat Suhen Ali Ahmad, 38, sanggup memberi buah pinggang kirinya selepas dua organnya mengalami kegagalan berfungsi.

Menceritakan kejadian berkenaan, ibu tiga anak itu berkata, pada 18 Mei 2018, dia tiba-tiba sawan dan tidak sedap badan ketika berada di rumah.

"Saya masih ingat badan tidak berapa sihat dan suami memanggil saya untuk makan.

"Tiba-tiba suami terdengar bunyi dentuman kuat di tingkat atas dan mendapati saya terjatuh dalam bilik dengan mulut berbuih dan mengalami sawan.

"Dengan bantuan jiran, suami bawa saya ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan dimasukkan terus ke zon merah," katanya.

Menurutnya, pakar mendapati kedua-dua buah pinggangnya mengecut dan hanya dapat berfungsi satu peratus.



RAJA Noor Zafira bersama Mat Suhen dan ketiga-tiga anak mereka.

**KISAH CINTA TULUS**

HARIAN METRO

# Serah ginjal (15/08/2022) MS 02 selamat nyawa

*Ibu 3 anak bersyukur pasangan sanggup derma sebelah buah pinggang selepas jatuh sakit teruk*

"Saya tidak pernah alami simptom, sakit atau tanda menghidap penyakit buah pinggang.

"Secara tiba-tiba saya tidak sedap badan, terus sawan dan koma," katanya.

Dia yang tinggal di Teluk Panglima Garang, Selangor berkata, dia ditidurkan seminggu dan ketika itu doktor meminta suami bersedia dengan sebarang kemungkinan.

"Saya dalam keadaan kri-

tikal namun seminggu selepas itu, doktor beri khabar gembira apabila hasil dialisis membuang toksik pada buah pinggang menampakkan sinar cerah.

"Selepas itu, suami beritahu dia mahu berikan buah pinggang untuk saya kerana tidak sanggup melihat saya menderita dan perlu menjalani dialisis," katanya.

Menurutnya, pada mulanya dia akui berat menerima permintaan suami kerana ri-

sau membahayakan keadaannya dan mengambil masa memikirkan hasrat terbabit.

"Selepas dipujuk suami dan menerima penerangan jelas doktor yang mengatakan manusia memang boleh hidup dengan hanya satu buah pinggang, saya terima dengan hati terbuka.

"Pada 21 November 2019, saya dan suami selamat menjalani transplan buah pinggang di Hospital Selangor," katanya.

## Prosedur penting perlukan penilaian

**Apa itu pendermaan organ?**

Pendermaan organ adalah suatu prosedur pembedahan membabitkan pemindahan organ dari penderma kepada penerima organ.

Pendermaan organ dapat menyelamatkan nyawa dan meningkatkan kualiti hidup penerima organ.

Terdapat dua jenis pendermaan organ:

- Pendermaan organ kadaverik
- Pendermaan organ semasa hidup

**Apakah yang perlu orang ramai tahu mengenai prosedur pembedahan untuk pendermaan buah pinggang?**

Terdapat dua jenis pembedahan pendermaan buah pinggang iaitu secara laparoskopi dan pembedahan secara biasa melalui abdomen.

Pembedahan biasa membabitkan bukaan pembedahan 15-20 sentimeter pada bahagian kiri atau kanan abdomen.

Kulit serta otot terbabit perlu dibedah bagi mengeluarkan buah pinggang.

Pembedahan secara laparoskopi membabitkan peralatan laparoskop iaitu sejenis alat yang berbenut tiub.

du terbabit sesuai untuk menderma organ. Semasa sesi penilaian pertama ke atas bakal penderma, latar belakang kesihatan akan diambil.

Risiko kematian berbeza mengikut jenis organ:

Pendermaan buah pinggang - 3.1 kematian dalam setiap 10,000 pendermaan.

Pendermaan hati bahagian kanan - satu kematian dalam setiap 200 pendermaan.

Pendermaan hati bahagian kiri - satu kematian dalam setiap 1,000 pendermaan.


**Apakah kelebihan pembedahan transplan dari penderma organ yang masih hidup?**

- Mengurangkan masa menunggu pesakit.
- Pembedahan dilakukan secara elektif.
- Organ penderma hidup berfungsi lebih baik.

**Siapakah yang boleh menderma organ?**

Di Malaysia, Kementerian Kesihatan hanya membenarkan pendermaan organ semasa hidup kepada ahli keluarga terdekat mempunyai pertalian darah. Ini termasuk pasangan kembar seiras, ahli keluarga darjah pertama dan ahli keluarga darjah kedua.

Selain itu, boleh menderma kepada



# 'Apa yang ada pada kita hanya pinjaman'

**Seremban:** "Apa yang ada pada kita ini hanya pinjaman, jadi apa salahnya kongsi dengan insan tersayang," kata Mohamad Firdaus Zulkufli.

Mohamad Firdaus, 31, me-

lakukan pengorbanan besar apabila mendermakan buah pinggang kanan untuk isterinya, Farah Syazana Mohd Ruslan, 29, menerusi pembedahan di Pusat Perubatan Sunway, Petaling Jaya, Selangor pada 21 November tahun lalu.

Berkongsi pengalaman itu, Mohamad Firdaus yang bertugas

sebagai anggota bomba di Balai Bomba dan Penyelamat Senawang berkata, dia mengakui risau dengan kemungkinan bakal berlaku selepas dibedah namun bersyukur kerana semuanya selamat.

"Saya letak keyakinan dan serah 100 peratus kepada Allah dengan apa yang akan berlaku.

"Lagipun Allah yang jentik hati saya untuk menderma buah pinggang kepada isteri," katanya.

Bercerita lanjut, Mohamad Firdaus berkata, dia tahu keadaan isterinya sejak mereka mula berkenalan dan menerima segala kelebihan atau kekurangan dengan seadanya.

"Waktu dari awal berkenalan lagi, isteri sudah ceritakan segalanya dan saya tidak kisah dia sakit apa sekalipun kerana terima

dia seadanya," katanya.

Sementara itu, Farah Syazana berkata, dia bersyukur dan terharu dengan pengorbanan suaminya kerana membantunya mengakhiri penderitaannya yang hidup dengan sebelah buah pinggang sejak 19 tahun lalu.

"Buah pinggang kiri saya dibuang pada 2013. Dua tahun kemudian, fungsi buah pinggang kanan saya merosot dan doktor tidak dapat mengenal pasti puncanya.

"Selepas berkahwin dengan suami pada Mac 2016, saya berbincang dengan keluarga mengenai keinginan melakukan pembedahan pemindahan buah pinggang dan ikutkan, suami mahu jadi penderma namun saya minta dahulukan abah.

"Ditakdirkan keadaan abah tidak mengizinkan, jadi suami tawarkan dirinya," katanya.

Penggunaan alat ini membolehkan luka pembedahan untuk mengeluarkan buah pinggang dilakukan lebih kecil.


Kelebihan utama teknik pembedahan laparoskopi ini ialah pemulihan lebih cepat dan kurang rasa sakit.

Pakar bedah berbincang dengan pesakit jenis pembedahan sesuai bergantung kepada kepakaran serta kesesuaian penderma dan buah pinggang.

## Bagaimana suatu proses penilaian penderma organ dilakukan?

Pesakit menemui pasukan pembedahan transplantan di mana sesi perundingan dan ujian perlu dilakukan.

Kebanyakan ujian dilakukan secara temujanji atau pesakit luar. Penilaian dapat memastikan indivi-



suami atau isteri yang sah.

Jika mahu derma organ kepada seseorang yang tiada pertalian darah atau ahli keluarga yang jauh (ahli keluar-

ga darjah ketiga ke atas), pesakit perlu menjalani penilaian satu jawatankuasa bebas dilantik Kementerian Kesihatan.

Hospital kerajaan utama yang menjalankan pembedahan transplan organ:

### Hospital Kuala Lumpur

- Pemindahan buah pinggang.

### Hospital Selayang

- Pemindahan buah pinggang dan hati.

### Pusat Perubatan Universiti Malaya

- Pemindahan buah pinggang.

### Institut Jantung Negara

- Pemindahan jantung dan paru-paru.

“Allah yang jentik hati saya untuk menderma buah pinggang kepada isteri

Mohamad Firdaus

MOHAMAD Firdaus bersama isterinya.